

Bab (21): Menutup Mata Orang Yang Meninggal.¹²⁰

Semua hadits yang dikemukakan di atas menunjukkan talqin yang dimaksudkan ialah mengajarkan orang yang hampir meninggal dunia supaya ia mengucapkannya sebelum menghembuskan nafas terakhirnya. Itulah yang difahami kebanyakan 'ulama'.

Ibnu Hibbaan, Abu Haatim dan lain-lain berkata, "Yang dimaksudkan dengannya ialah orang yang hampir meninggal dunia." Demikian juga kata at-Thībi. Menurut mereka, orang-orang yang hampir mati itu dikatakan الموتى (orang-orang mati) kerana mereka juga akan mati, mengambil kira apa yang akan berlaku kepadanya (باعتبار ما يؤول إليه). Demikian juga dikatakan terhadap perkataan موتاكم yang tersebut di dalam hadits ini: اقروا على موتاكم يس (Bacalah dekat orang-orang yang hampir mati di kalanganmu Ya sīn).

Sesetengah 'ulama' berpendapat, boleh juga orang yang telah meninggal dan dikebumikan ditalqin, dengan alasan itulah erti haqiqi (sebenar) bagi perkataan موتاكم. Pendapat ini sebenarnya sangat lemah dan tidak mempunyai alasan yang kukuh selain mengambil kira erti sebenarnya semata-mata. Kerana itulah kebanyakan 'ulama' mengatakan ia suatu perkara baharu atau bid'ah. Lihat sebagai contohnya apa kata Maulana Khalil Ahmad as-Saharanfuri pensyarah Sunan Abi Daud di dalam Badzl al-Majhūd:

"Talqin yang dima'lumi hari ini tidak diketahui di kalangan Salaf dahulu. Ia adalah suatu perkara baharu. Maka tidaklah boleh sabda Rasulullah s.a.w. tersebut dipakai dengan erti itu. Erti hakikinya menurut bahasa 'Arab juga adalah orang yang hampir mati. Adapun untuk orang yang telah mati, maka itu erti majazinya sahaja. Orang yang hampir matilah yang lebih hampir untuk dapat mendengar dan dapat mengambil menafa'at daripadanya. Itulah pendapat Ibnu Hibbaan dan lain-lain tentang hadits tersebut bahawa maksudnya ialah orang yang hampir mati, sama seperti apa yang tersebut di dalam hadits: اقروا على موتاكم يس (Bacalah dekat orang-orang yang hampir mati di kalanganmu Yasīn). Yang dimaksudkan dengannya juga ialah orang yang hampir mati. Bukanlah dibacakan Surah Yasīn kepada orang yang telah mati. Demikian disebutkan oleh as-Suyuthi di dalam kitabnya Syarh as-Shudūr."

¹¹⁹ **Kedudukan hadits ke-3117:** Sahih. Ia diriwayatkan juga oleh Muslim, an-Nasaa'i, Ibnu Majah, Tirmidzi, Ahmad dan al-Baihaqi.

¹²⁰ Daripada tajuk bab ke-21 ini baru bermula bab-bab berkenaan dengan kematian itu sendiri dan apa-apa yang berlaku atau harus dilakukan apabila seseorang manusia meninggal dunia. Adapun 20 bab sebelum ini, semuanya berkenaan dengan apa-apa yang berlaku dan harus dilakukan sebelum seseorang itu meninggal, seperti menziarahinya, kesakitan yang dialaminya, pahala kesabaran ketika sakit sebelum meninggal dan apa yang perlu diajarkan kepada orang yang hampir mati dan lain-lain. Imam Abu Daud mengadakan tajuk bab ini untuk memberitahu apa yang harus dilakukan sebaik sahaja seseorang meninggal dunia. Oleh kerana pada kebiasaannya

٣١١٨- حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ حَبِيبٍ أَبُو مَرْوَانَ حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَقَ يَغْنِي الْقَزَارِي عَنْ خَالِدِ الْحَدَّاءِ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ قَبِيصَةَ بِنِ دُوَيْبٍ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ دَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ وَقَدْ شَقَّ بَصَرُهُ فَأَعْمَضَهُ فَصَبَّحَ نَاسٌ مِنْ أَهْلِهِ فَقَالَ لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ إِلَّا بِخَيْرٍ فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤْمِنُونَ عَلَى مَا تَقُولُونَ ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَبِي سَلَمَةَ وَارْفَعْ دَرَجَتَهُ فِي الْمَهْدِيِّينَ وَاخْلُقْهُ فِي عَقِبِهِ فِي الْغَائِبِينَ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ رَبِّ الْعَالَمِينَ اللَّهُمَّ افْسَحْ لَهُ فِي قَبْرِهِ وَنَوِّرْ لَهُ فِيهِ.

3118 – ‘Abdul Malik bin Ḥabīb Abu Marwān¹²¹ meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ishaq al-Fazāri¹²² meriwayatkan kepada kami daripada Khalid al-Ḥadzdā¹²³ daripada Abi Qilābah¹²⁴ daripada Qabīshah bin Dzu’aib¹²⁵ daripada

mata orang yang meninggal dunia terbuka dalam keadaan terbeliak atau terpesir, maka Nabi s.a.w. mengajar umatnya supaya memejamkan matanya terlebih dahulu. Kemudian barulah dilakukan yang lain-lain terhadapnya. Sebabnya orang yang meninggal itu terbuka matanya ketika rohnya terpisah dari tubuh telah disebutkan juga oleh oleh Rasulullah s.a.w. Di dalam saluran riwayat daripada Ummu Salamah sendiri yang dikemukakan oleh Muslim, Ahmad, Ibnu Majah dan lain-lain tersebut sedikit tambahan yang menyatakan sebabnya. Kata Baginda s.a.w.:

إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ تَبِعَهُ الْبَصَرُ

Bermaksud: Sesungguhnya roh apabila diambil, pandangan (orang yang diambil roh daripadanya) akan mengikutinya.

Kerana itulah matanya terpesir atau terbeliak dan tidak terpejam-pejam lagi. Ugama Islam mengajarkan (mensyari’atkan) agar penganutnya memejamkan mata orang yang baru meninggal dunia supaya ia kelihatan lebih cantik seperti sedang tidur saja. Berbeza keadaannya kalau kedua mata orang yang meninggal terus terbuka atau terbeliak, kerana ia akan kelihatan teruk pada pandangan mata orang yang hidup atau mungkin juga menakutkan.

¹²¹ al-Misshīshi al-Bazzāz. Beliau adalah seorang perawi maqbul, meriwayatkan hadits daripada Ibnu al-mubarak, Abu Ishaq al-Fazāri dan lain-lain. Imam Abu Daud adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. ‘Abdul Malik bin Ḥabīb meninggal dunia sekitar tahun 240 Hijrah.

¹²² Nama sebenarnya ialah Ibrahim bin Muhammad bin al-Ḥārīts. Seorang perawi tsiqah dan merupakan salah seorang perawi Kutub Sittah.

¹²³ Beliau ialah Khalid bin Mihrān al-Mujāsyi’i al-Ḥadzdā’ al-Ḥāfizh. Seorang perawi tsiqah dan merupakan salah seorang perawi Kutub Sittah juga. Khalid terkenal dengan gelaran al-Ḥadzdā’ bukanlah kerana beliau seorang tukang kasut atau penjual kasut, tetapi semata-mata kerana selalu berada di samping mereka. Khalid meninggal pada tahun 141 atau 142 Hijrah.

¹²⁴ Nama sebenarnya ialah ‘Abdullah bin Zaid al-Jarmi. Beliau juga seorang perawi tsiqah dan merupakan salah seorang perawi Kutub Sittah.

¹²⁵ bin Thalhah bin ‘Amar bin Kulaib al-Khuzā’i al-Madani. Abu Sa’id adalah kuniahnya. Qabīshah lahir di zaman Nabi s.a.w. iaitu pada tahun pembukaan Mekah.

Ummi Salamah,¹²⁶ beliau berkata, Rasulullah s.a.w. masuk menziarahi Abu Salamah ('Abdullah bin 'Abdil Asad al-Makhzūmi) ketika matanya telah pun terpesir (baru meninggal), Baginda memejamkan (menutupkan) matanya,¹²⁷ lalu berteriaklah beberapa orang dari ahli keluarganya (sebaik sahaja mengetahui tentang kematiannya). Pada ketika itu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu mendoakan untuk dirimu kecuali dengan kebaikan. Sesungguhnya para malaikat mengamini apa yang kamu ucapkan."¹²⁸ Kemudian Baginda berdoa: "Ya Allah, ampunilah Abi Salamah, angkatlah darjatnya di antara orang-orang yang mendapat petunjuk,¹²⁹ berilah ganti untuk keluarganya yang masih hidup

Beliau hanya sempat melihat Baginda. Kerana itu sesetengah 'ulama' menyenaraikan namanya sebagai sahabat kecil Rasulullah s.a.w., tetapi tidak diketahui beliau ada mendengar apa-apa dan meriwayatkan sesuatu hadits daripada Baginda secara langsung. Riwayatnya daripada Rasulullah s.a.w. hanyalah dengan perantaraan para sahabat, seperti Abu Hurairah, Zaid bin Tsabit, Abu ad-Dardā', Ḥudzaifah, Ummu Salamah, 'Aaishah dan ramai lagi sahabat yang lain. Qabīshah seorang perawi tsiqah yang banyak meriwayatkan hadits. Beliau juga merupakan salah seorang perawi Kutub Sittah. Makḥūl berkata, "Tidak pernah ku lihat orang yang lebih alim daripadanya." Al-'Ijli pula berkata, "Beliau adalah seorang tabi'i yang tsiqah." Beliau meninggal dunia di Dimasyq pada tahun 86 Hijrah.

¹²⁶ Nama sebenar Ummu Salamah ialah Hind bin Umaiyah. Beliau adalah salah seorang Ummahātul Mu'minīn. Hadits-haditsnya terdapat di dalam kebanyakan kitab hadits, termasuk ke-enam-enam kitab utama hadits. Sebanyak 378 hadits telah diriwayatkannya. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun ke-62 Hijrah.

¹²⁷ Ini adalah salah satu Sunnah Nabi s.a.w. yang diamalkan oleh sekalian orang Islam. Tujuannya ialah mengelokkan wajah si mati dan tidak membiarkan matanya yang terbeliak itu dipandang orang.

¹²⁸ Maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini ialah hendaknya keluarga si mati mendoakan yang baik-baik untuk si mati dan diri mereka sendiri. Janganlah pula mereka berteriak, meratap dan meraung dengan mengucapkan ucapan yang bukan-bukan seperti yang dilakukan orang-orang di zaman jahiliyah. Kerana para malaikat mengaminkan doa kamu pada ketika itu, sama ada doamu baik atau buruk. Jadi hendaklah kamu mendoakan kebaikan untuk si mati dan juga dirimu sendiri. Seterusnya Nabi s.a.w. mengajar bagaimana sepatutnya orang yang berada di sesuatu tempat kematian berdoa.

¹²⁹ Pertama sekali Rasulullah s.a.w. mendoakan agar dosa-dosa Abu Salamah diampunkan. Kemudian Baginda mendoakan supaya darjatnya dinaikkan sehingga dia tergolong di kalangan orang-orang yang telah mendapat petunjuk (المهدين), iaitu orang-orang yang telah berjaya mendapat kedudukan tertinggi di dalam syurga.

di belakangnya,¹³⁰ dan ampunilah kami dan dirinya wahai Tuhan semesta alam.¹³¹ Ya Allah, lapangkanlah kuburnya dan terangilah dia di dalamnya.”¹³²

¹³⁰ Boleh juga ia diterjemahkan dengan: “Engkau (sendiri) jadilah sebagai penggantinya dalam menjaga dan memelihara anak pinak serta ahli keluarganya yang masih hidup selepas kewafatannya.”

¹³¹ Setelah mendoakan agar keluarga yang masih hidup diberikan ganti yang terbaik, Nabi s.a.w. mendoakan pula keampunan untuk orang-orang Islam yang masih hidup dan juga Abu Salamah yang baru meninggal.

¹³² Akhir sekali Nabi s.a.w. mendoakan agar kubur Abu Salamah diperluaskan dan beliau diterangi di dalam kuburnya. Doa Baginda ini menunjukkan alam kubur atau Alam Barzakh itu boleh jadi luas dan terang benderang kepada seseorang yang mati, dan boleh jadi juga ia sempit dan gelap-gelita kepadanya.

Kedudukan hadits ke-3118: Ḥasan. Tetapi ia sahih berdasarkan saluran riwayat yang lain. Kerana itu boleh juga dikatakan ia hadits sahih dengan maksud sahih li ghairih. Sebabnya sanad ini dikatakan ḥasan kerana di dalamnya ada ‘Abdul Malik bin Ḥabīb Abu Marwān. Beliau hanya seorang perawi shadūq dan maqbūl sahaja. Walaupun begitu, selain beliau hadits ini diriwayatkan juga oleh orang-orang lain yang lebih kuat daripadanya. Hadits ini dengan sedikit sahaja perbezaan pada lafaznya diriwayatkan juga oleh Muslim, Ahmad, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, an-Nasaa’i, al-Haakim dan al-Baihaqi.

Ahmad, Ibnu Majah, at-Thabaraani dan al-Haakim meriwayatkan hadits yang lebih kurang sama mafhumnya dengan hadits ke-3118 itu daripada saluran riwayat Qaza’ah bin Suwaid daripada Ḥumaid (bin Qais al-Makki) al-A’raj daripada az-Zuhri daripada Mahmud bin Labīd daripada Syaddād bin Aus, kata beliau:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -: إِذَا حَضَرْتُمْ مَوْتَكُمْ فَأَغْمِضُوا الْبَصَرَ، فَإِنَّ الْبَصَرَ يَتَّبِعُ الرُّوحَ، وَقُولُوا خَيْرًا، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تُوَمِّنُ عَلَى مَا قَالَ أَهْلُ الْبَيْتِ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila kamu menghadhiri kematian seseorang daripada kamu, maka hendaklah memejamkan matanya, kerana matanya mengikut rohnya (yang diambil malaikat), dan hendaklah kamu berkata yang baik-baik, kerana malaikat mengamini apa yang diucapkan oleh orang-orang rumah.”

Al-Haakim mengatakan hadits ini sahih sanadnya. Al-Haitsami pula mengatakan ia hasan kerana Qaza’ah adalah seorang perawi yang diperselisihkan (tidak disepakati tentang ketsiqahannya). Sementara perawi-perawinya yang lain semuanya tsiqāt. Tetapi yang lebih tepat ialah pendapat para ‘ulama’ yang mengatakan ia dha’if kerana di dalam sanadnya ada Qaza’ah bin Suwaid tersebut. Walaupun begitu ia adalah hadits yang dha’if ringan dan ada syawahidnya yang sahih. Maka tidak salah kalau dikatakan ia sahih lighairih atau ḥasan li ghairih.

Panduan dan pedoman daripada hadits:

(1) Sunnah menutup mata si mati jika matanya terpesir setelah ia menghembuskan nafas terakhirnya.

(2) Elok sekali orang-orang yang hadir mendoakan kebaikan untuk si mati dan keluarganya. Jangan sekali-kali ia mendoakan keburukan untuk dunia dan akhirat mereka.

(3) Sebaik-baik doa yang dibaca ialah yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. seperti tersebut di dalam hadits ini.

(4) Si mati melihat nyawanya yang diambil oleh Malakul Maut. Kerana itulah biasanya mata orang yang meninggal terpesir.

(5) Keadaan manusia di alam Barzakh berbeza-beza. Ada yang kuburnya diperluaskan dan disinari cahaya, dan ada juga yang disempitkan malah dihimpit kuburnya dalam keadaan gelap-gelita.

(6) Dilarang berteriak, bertempik dan meraung apabila mengetahui tentang kematian seseorang. Meratapi orang yang telah mati juga dilarang, sama ada ketika ia belum dikebumikan atau setelah ia dikebumikan.

(7) Doa orang yang hidup untuk orang yang mati tetap berguna dan berfaedah kepadanya dengan syarat kedua-duanya beriman.

Di dalam sesetengah nuskah Sunan Abi Daud terdapat tambahan berikut selepas hadits ke-3118 ini:

قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَتَغْمِيزُ الْمَيِّتِ بَعْدَ خُرُوجِ الرُّوحِ سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ مُحَمَّدٍ بْنِ الثُّغَمَانِ الْمُقَرِّيَّ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا مَيْسَرَةَ رَجُلًا غَائِبًا يَقُولُ غَمَضْتُ جَعْفَرًا الْمَعْلَمَ وَكَانَ رَجُلًا غَائِبًا فِي حَالَةِ الْمَوْتِ فَرَأَيْتُهُ فِي مَنَامِي لَيْلَةً مَاتَ يَقُولُ أَعْظَمُ مَا كَانَ عَلَيَّ تَغْمِيزُكَ لِي قَبْلَ أَنْ أَمُوتَ.

Bermaksud: Abu Daud berkata, memejamkan mata orang yang meninggal adalah setelah nyawanya keluar. Aku mendengar Muhammad bin Muhammad bin an-Nu'man al-Muqri berkata, aku mendengar Abu Maisarah - seorang ahli ibadah - berkata, aku pejamkan mata Ja'far al-Mu'allim - seorang ahli ibadah - tatkala dia (hampir) meninggal, lalu aku melihatnya dalam tidurku pada malam meninggalnya itu juga, dia berkata: "Sesungguhnya sesuatu yang paling berat bagiku adalah engkau memejamkan mataku sebelum aku meninggal."

Al-Mizzi di dalam al-Athrāf (19601) setelah mengemukakannya berkata: "Ia terdapat di dalam riwayat Abu Sa'id Ibnu al-A'rābi (daripada Abi Daud)."

Tambahan ini tidak terdapat di dalam kebanyakan nuskah Sunan Abi Daud. Tujuan Imam Abu Daud mengemukakan komentar ini ialah untuk menyatakan perbuatan memejamkan mata itu hanya Sunnah dilakukan setelah orang yang naza' meninggal, bukan sebelumnya. Setelah roh betul-betul keluar dari badan dan mata orang yang meninggal itu pula terpesir, barulah matanya dipejamkan. Jika matanya dari awal lagi terpejam (tertutup), maka tidak diperlukan lagi memejamkannya.

Atsar yang dikemukakan oleh Abu Daud ini bagaimanapun tidak sahih, kerana di dalam isnadnya terdapat seorang perawi maqbul dan seorang lagi majhul. Muhammad bin Muhammad bin an-Nu'man al-Muqri adalah seorang perawi maqbul. Hanya Abu Daud mengemukakan riwayatnya. Abu Maisarah pula seorang perawi majhūlul hāl. Hanya Abu Daud sahaja mengemukakan riwayatnya ini. Ja'far al-Mu'allim juga tidak diketahui siapa sebenarnya.